



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/1/2012

Dr M bidas pihak pertikai hak Saiful

Turut persoal keistimewaan pemimpin pembangkang

Oleh Nazura Ngah
rtazu ra@bharian.com. my

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad membidas tindakan pihak yang menipertikaikan hak bekas pembantu peribadi Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohd Saiful Bukhari Azlan untuk memohon Peguam Negara memfallkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan ketua pembangkang daripada tuduhan meliwat.

"Apakah dalam negara mi mangsa yang kerdil tidak berhak kepada keadilan sehingga dia tidak boleh merayu untuk didengar oleh mahkamah lebih tinggi?," kata bekas Perdana Menteri dalam entri terbaru di laman blognya, semalam.

Dr Mahathir berkata, apabila Anwar didapati tidak bersalah kerana tiada bukti kukuh untuk rnyokong keterangan Mohd Saiful, hak mangsa untuk membuat rayuan dipertikaikan.

Katanya, sejarah kehakiman negara menunjukkan Anwar menang pertandingan membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah sejak empat tahun kes itu diadili.

"Awal-awal lagi dituntut supaya hakim ditukar kerana kononnya berat sebelah. Dengan itu perbicaraan ditangguh sementara tuntutan ditimbang oleh mahkamah. Masa berbulan-bulan berlalu kerana mahkamah terpaksa menentukan tarikh untuk mendengar rayuannya.

"Selepas diputus yang hakim berkenaan boleh mendengar rayuannya, ada lagi rayuan dikemukakan.



Jika keputusan dibuat baru-baru ini mendapati Anwar bersalah, percayalah beliau akan membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

"Jika Mahkamah Rayuan bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi, maka Anwar akan rayu kepada Mahkamah Persekutuan dan jika Mahkamah Persekutuan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, maka Anwar akan tuntutan untuk kesnya dibawa kepada Mahkamah Khas," katanya.

Beliau juga turut mempersoalkan keistimewaan yang dimiliki pemimpin pembangkang untuk menentukan bahawa keadilan hanya akan berlaku jika mereka didapati

tidak bersalah.

"Apakah di negara ini keengganan pembesar pembangkang mengangkat sumpah bukan saja di masjid dengan menjunjung al-Quran, tetapi ketika dibicara dalam mahkamah biasa tidak mempunyai apa-apa makna terutama kepada orang Islam dan sumpah laknat oleh si kerdil juga tidak boleh diambilkira?"

"Atau apakah menjadi satu daripada perjuangan pakatan bahawa apa yang disarankan oleh Anwar dalam BBC bahawa undang-undang negara ini sudah lapuk dan perlu ditukar kepada kebebasan untuk meliwat mengikut liberalisme Barat?," katanya.